

TARIKH	25 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	Dalam Negeri

Kazakhstan hasrat miliki agensi seperti Tabung Haji

ASTANA (KAZAKHSTAN) 24 Mei - Kerajaan Kazakhstan berhasrat menubuhkan sebuah agensi seperti Tabung Haji yang berperanan menguruskan segala hal ehwal jemaah negara tersebut ketika melakukan ibadat haji di Tanah Suci Mekah.

Pengerusi Agensi Hal Ehwal Agama Kazakhstan, Kairat Lama Sharif berkata, pihaknya tertarik untuk menjadikan Tabung Haji sebagai model selepas mendapati agensi milik kerajaan Malaysia itu mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam soal pengurusan haji sejak sekian lama.

Malah kata Kairat, ketika bertugas sebagai Duta Kazakhstan di Arab Saudi selama lima tahun beliau sendiri menyaksikan bagaimana Tabung Haji berjaya menguruskan je-

maah haji Malaysia sepanjang berada di Mekah secara efektif.

“Bukan itu sahaja saya juga melihat sendiri jemaah haji Malaysia begitu berdisiplin semasa menunaikan ibadat haji dan ini membuat kami begitu tertarik untuk menjadikan Tabung Haji sebagai model.

“Atas sebab itu kami bercita-cita untuk mempunyai sebuah intitusi seperti mana Tabung Haji di Kazakhstan. Kami mahu pengurusan haji untuk rakyat kami lebih teratur dan bersistematik,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Kairat berkata, untuk musim haji tahun ini sebanyak 5,500 rakyat Kazakhstan dijadual menunaikan ibadat tersebut di Tanah Suci Mekah.

“Kami akan menjemput pihak rakan-rakan dari Malaysia termasuk Tabung Haji untuk datang ke Astana (Kazakhstan) pada September ini untuk kita berkongsi pengalaman cara mana untuk kita menguruskan jemaah haji dengan lebih baik,” ujarnya.

Dalam pada itu Kairat turut memberitahu yang beliau telah berkunjung ke Malaysia Mac lalu untuk menghadiri satu mesyuarat bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

“Saya akui Malaysia sebuah negara yang indah dan saya amat menyukainya,” katanya lagi.

Sementara itu beliau berkata, secara keseluruhan jumlah umat Islam di Kazakhstan adalah sebanyak 72 peratus dan mereka bermazhab Hanafi.